



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada individu yang berintegriti, komited, mempunyai semangat berpasukan yang tinggi, berpengalaman, berkemahiran serta berminat dalam bidang perfileman untuk mengisi kekosongan jawatan **tetap/kontrak** seperti berikut:

TARIKH IKLAN : 24 Julai 2021

TARIKH TUTUP IKLAN : 8 Ogos 2021

BIL	JAWATAN	GRED	KOSONG	PENEMPATAN
1.	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA	KP29	1	SEMENANJUNG
2.	PENOLONG JURUTERA	JA29	1	SEMENANJUNG
3.	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT	N19	1	SEMENANJUNG
4.	PENERBIT RANCANGAN	B19	1	SEMENANJUNG
5.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19	1	SEMENANJUNG
6.	JURUFOTOGRAFI	B19	1	SARAWAK
7.	PEMANDU KENDERAAN	H11	1	SARAWAK

Sila klik pautan ini untuk melihat jawatan dan panduan mengisi borang permohonan dalam talian : <http://eperjawatan.finas.gov.my/>

Sebarang pertanyaan boleh hubungi melalui e-mel
Ke Unit Pengurusan Sumber Manusia FINAS: perjawatan@finas.my

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DALAM TALIAN

Cara-cara memohon:

- a) Sila klik pautan ini untuk mengisi maklumat pemohon secara dalam talian. <http://eperjawatan.finas.gov.my>
- b) Sebarang permohonan melalui surat, e-mel, faks **tidak akan dipertimbangkan**. Maklumat bertanda * **hendaklah wajib diisi**.
- c) Sila isi **Nama Jawatan** dengan lengkap seperti yang tertera di ruangan iklan.
 1. **Contoh: Penerbit Rancangan, Gred B19**
 2. **Setiap pemohon hanya dibenarkan memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- d) Senarai dokumen yang perlu dimuat naik (*upload*):
 1. Gambar berukuran pasport terkini
 2. Salinan Sijil kelahiran
 3. Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang) diimbis (*scan*) terlebih dahulu dan disimpan sebagai (.pdf atau .jpeg)
 4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- e) Sila klik butang *submit*. Pemohon akan menerima satu notifikasi "**Permohonan anda berjaya dihantar**".
- f) Calon yang berjaya dan dipanggil temu duga hendaklah membawa sijil asal dan salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil persekolahan, sijil kelulusan tertinggi dan sijil-sijil yang berkaitan jawatan yang dipohon. Semua salinan dokumen **haruslah disahkan dengan cop asal (bukan cop salinan fotostat)**. (Semua dokumen perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKK / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam)
- g) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama **salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini (2020, 2019 dan 2018)** dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Pengisytiharan Harta.

Catatan Am

- a) Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **DITOLAK**.
- b) Hanya calon-calon **yang layak selepas tapisan sahaja** akan **dipanggil temu duga**.
- c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan** dari **tarikh tutup iklan** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

**KELAYAKAN SPM/SPM(V)/SPMV/SIJIL MENGIKUT SISTEM TERBUKA
UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:

- a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; **atau**
- b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; **dan**
- c) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:

SYARAT KELULUSAN BAHASA MELAYU UNTUK PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM	SYARAT PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (KOD 1104)
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'
Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'

1. PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP29

- (a) Kekosongan : 1
- (b) Penempatan : Semenanjung
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
- (e) Gred dan Jadual Gaji : Gred KP29
- | | |
|---------------|---------------|
| Gaji Minimum | : RM 1,493.00 |
| Gaji Maksimum | : RM 5,696.00 |
- (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 145.00

Syarat Lantikan

- a Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);atau
Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);atau
Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);
Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,770.95).
Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,846.15).
- d. Syarat lantikan untuk kegunaan di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia:
- i. Sijil Veterinar/Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 :RM1,493.00);atau
 - ii. Diploma dalam bidang perikanan, pertanian hortikultur, pemakanan, teknologi makanan, kesihatan haiwan, penternakan atau sains veterinary yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,846.15)

- e. dan mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut:
- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Deskripsi Tugas

Menguatkuasakan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (AKTA 244) dan perundangan kecil dibawahnya. Menjalankan pemeriksaan terhadap aktiviti perfileman, Menjadi pegawai serbuan, penyiasat, pendakwa di mahkamah, menjadi saksi di mahkamah dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

Syarat-syarat Tambahan

- (i) Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.
- (ii) Bersedia jika diarahkan ke penempatan Zon atau Cawangan Pelesenan & Penguatkuasaan.

2. PENOLONG JURUTERA GRED JA29

- (a) Kekosongan : 1
- (b) Penempatan : Semenanjung
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
- (e) Gred dan Jadual Gaji : Gred JA29
 - Gaji Minimum : RM 1,549.00
 - Gaji Maksimum : RM 5,701.00
- (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 145.00

Syarat Lantikan

- a Warganegara Malaysia;
- b Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c
 - i. Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - (ii) Lulus peperiksaan Khas; dan
- (b) had Umur Pelantikan;
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

Syarat-syarat Tambahan

Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.

3. PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19

- (a) Kekosongan : 1
- (b) Penempatan : Semenanjung
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
- (e) Gred dan Jadual Gaji : Gred N19
- Gaji Minimum : RM 1,352.00
- Gaji Maksimum : RM 4,003.00
- (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 100.00

Syarat Lantikan

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,352.00) atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,408.40) atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,464.80)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi

kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

4. PENERBIT RANCANGAN GRED B19

- | | |
|---------------------------------|-----------------------------|
| (a) Kekosongan | : 1 |
| (b) Penempatan | : Semenanjung |
| (c) Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| (d) Taraf Jawatan | : Tetap/Kontrak |
| | Gaji Minimum : RM 1,360.00 |
| | Gaji Maksimum : RM 4,032.00 |
| (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : RM 100.00 |

Syarat Lantikan

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00) atau
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00) atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12) atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Syarat Ujian Khas

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Syarat-syarat Tambahan

Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.

5. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19

- | | | |
|---------------------------------|-----------------|---------------|
| (a) Kekosongan | : 1 | |
| (b) Penempatan | : Semenanjung | |
| (c) Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana | |
| (d) Taraf Jawatan | : Tetap/Kontrak | |
| (e) Gred dan Jadual Gaji | : Gred J19 | |
| | Gaji Minimum | : RM 1,377.00 |
| | Gaji Maksimum | : RM 4,052.00 |
| (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : RM 100.00 | |

Syarat Lantikan

- a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - d. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:
- i. A0/A1 : RM1,435.12
 - ii. A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24
 - iii. B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Bagi Penjawat Sedang Berkhidmat

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu/Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penjaga Elektrik Gred J19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a. Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- b. Mempunyai kelayakan di perkara 2(d) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
- c. Had umur pelantikan:
 - i. Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- ii. Berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

6. JURUFOTOGRAFI GRED B19

- | | | |
|---------------------------------|-----------------|---------------|
| (a) Kekosongan | : 1 | |
| (b) Penempatan | : Sarawak | |
| (c) Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana | |
| (d) Taraf Jawatan | : Tetap/Kontrak | |
| (e) Gred dan Jadual Gaji | : Gred B19 | |
| | Gaji Minimum | : RM 1,360.00 |
| | Gaji Maksimum | : RM 4,032.00 |
| (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : RM 100.00 | |

Syarat Lantikan

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12); atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Ujian Khas

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak FINAS.

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab membuat liputan filem/video bersuara atau tidak, membuat penggambaran rancangan khas dan bertanggungjawab ke atas mutu teknik penghantaran dan peralatan.

7. PEMANDU KENDERAAN GRED H11

- (a) Kekosongan : 1
- (b) Penempatan : Sarawak
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
- (e) Gred dan Jadual Gaji : Gred H11
- | | |
|---------------|---------------|
| Gaji Minimum | : RM 1,218.00 |
| Gaji Maksimum | : RM 2,939.00 |
- (f) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00

Syarat Lantikan

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
 - ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggarakan kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - a. Lesen D : RM1,264.15
 - b. Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - c. Lesen F/H : RM1,356.45
 - d. Lesen G/I : RM1,402.60

Program Transformasi Minda

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

